

Majlis Penutup Minggu Saham Amanah Malaysia 2002

Alor Setar, Kedah 26 April 2002

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, kita dapat sama-sama berkumpul pada pagi ini dalam majlis penutup Minggu Saham Amanah Malaysia 2002.

2. Saya mengucapkan terima kasih kepada Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Persekutuan Pengurus- Pengurus Saham Amanah Malaysia (FMUTM) kerana sudi menjemput saya untuk menyempurnakan majlis penutup Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2002.

3. Minggu Saham Amanah Malaysia ini sangat besar maknanya kerana ia dapat mendedah dan menerang kepada rakyat tentang cara-cara melabur di Malaysia di samping mendidik mereka tentang konsep risiko dan pulangan dalam saham-saham amanah.

4. Kita boleh melabur terus dalam pasar saham dengan membeli saham-saham syarikat-syarikat tertentu, terutama yang besar dan kukuh, syarikat blue chip. Ternampak pelaburan seperti ini selamat dan akan memberi pulangan yang baik. Tetapi kadang kala syarikat blue chip juga mungkin mengalami kerugian. Kita bukan sahaja tidak akan dapat dividen, tetapi nilai saham kita juga akan jatuh. Jika kita telah pinjam dari bank untuk membeli saham maka nilai saham yang digadai akan menjadi lebih rendah dari jumlah hutang bank. Dalam keadaan itu bank akan tuntutan tambah cagaran dan jika kita tidak dapat kita mungkin menghadapi tindakan muflis.

5. Sebaliknya jika kita agih pelaburan kita kedalam banyak syarikat, kerugian dan susut nilai saham satu syarikat mungkin di imbangi dengan syarikat lain yang untung. Lebih banyak syarikat yang kita labur di dalamnya, lebih selamatlah kita apabila mana-mana syarikat berprestasi tidak baik.

6. Tetapi untuk melabur dalam banyak syarikat memerlukan modal yang banyak. Yang berpendapatan rendah mungkin tidak ada modal sendiri, dan mungkin tidak dapat meminjam dari bank.

7. Menyedari hakikat ini peniaga saham mencipta sistem Unit Trust atau Saham Amanah. Pelabur melabur dalam Saham Amanah dan wang yang dikumpul oleh Saham Amanah dilabur dalam sebilangan yang besar dari syarikat-syarikat yang dianggap berpotensi memberi pulangan yang baik. Jika mana-mana syarikat mengalami kerugian, kesannya dikurangkan oleh banyak syarikat-syarikat lain yang berprestasi baik. Dengan itu pemilik saham dalam Saham Amanah tidak akan merasai kerugian dari satu syarikat di antara berpuluh syarikat yang

berprestasi baik. Saham Amanah boleh menerima pelaburan yang kecil yang akan menikmati kepakaran pengurusan pelaburan yang dibuat oleh pengurusan Saham Amanah.

8. Walaupun melabur Saham Amanah risiko pelaburan dapat dikurangkan dan dividen biasanya lebih tinggi dari simpanan tetap di bank, tetapi apabila ekonomi negara merosot semua syarikat mungkin mengalami kerugian dan harga saham semuanya turun. Inilah yang berlaku baru-baru ini apabila ekonomi negara meleset. Akibatnya ialah pelaburan melalui Saham Amanah juga boleh mengalami kerugian, kerugian yang teruk. Pelabur perlu terima hakikat bahawa melabur seperti juga dengan perniagaan-perniagaan lain mungkin untung dan mungkin rugi. Sikap hanya sanggup menerima untung tetapi menganggap kerugian sebagai perkara yang tidak boleh berlaku dan tidak boleh diterima adalah tidak realistik. Yang biasa tidak boleh rugi hanyalah memakan bunga dari pemberian hutang dan itu adalah haram. Keuntungan yang tetap adalah sama dengan bunga dan dianggap haram bagi orang Islam.

9. Menyimpan wang tanpa dilabur tetap akan merugikan. Ini adalah oleh kerana inflasi yang berlaku sepanjang masa akan menyusutkan nilai wang yang disimpan. Barang yang boleh dibeli, hari ini dengan sekian harga akan memerlukan lebih banyak wang untuk membeli di kemudian hari. Inflasi di Malaysia tidaklah begitu tinggi, jadi nilai wang tidak susut seperti di negara lain di mana inflasi sebanyak 100% boleh berlaku. Namun demikian adalah lebih baik jika wang dilabur dan tidak disimpan begitu sahaja. Wang yang disimpan dengan Tabung Haji atau dicarum dengan KWSP juga dilabur supaya nilai tidak susut kerana inflasi. Inilah cara-cara kita mengurus wang.

10. Kita hidup dalam dunia yang semakin canggih di mana wang diperlukan untuk segala-gala kegiatan hidup kita. Wang bukan sahaja satu kemudahan untuk diguna semasa membeli belah. Wang mesti dianggap sebagai modal untuk dilabur supaya akan bertambah. Kecekapan melabur perlu ada kepada tiap seorang daripada kita.

11. Oleh kerana kita tahu wang boleh dilabur untuk menambah jumlah yang ada pada kita, akan ada orang-orang tertentu yang akan cuba memerangkap kita dengan cara-cara melabur yang kononnya akan memberi pulangan luar biasa. Ada yang menjamin pulangan 100% atau lebih. Sebenarnya tidak ada pelaburan yang boleh memberi pulangan yang begitu tinggi. Jika ada sesiapa yang menjamin pulangan yang begitu tinggi percayalah tujuan mereka ialah untuk menipu.

12. Sesuatu yang sering berlaku ialah pelaburan piramid di mana dengan pelaburan yang sedikit pelabur akan mendapat

pulangan yang berkali ganda. Ini dibuat dengan mengguna wang dari pelabur-pelabur baru yang ramai untuk membayar kepada pelabur lama. Selagi ada pelabur baru bayaran ini boleh dibuat. Tetapi tentu akan sampai masanya yang pelabur baru akan berkurangan atau tidak ada lagi dan pelabur lama tidak lagi akan menerima apa-apa pulangan. Pada masa itu ramai yang akan kehilangan wang yang dilabur. Jelas sekali pelaburan seperti ini tidak sihat dan merbahaya.

13. Adalah lebih sihat melabur dalam saham amanah yang memberi pulangan yang berpatutan dengan risiko yang tidak terlalu tinggi daripada melabur dalam skim- skim cepat kaya yang tetap akan merugikan. Biarlah lambat kaya asalkan selamat.

14. Penubuhan PNB adalah hasil daripada perancangan yang bijak, teliti dan berpandangan jauh Kerajaan untuk membangunkan ekonomi Bumiputera yang masih ketinggalan berbanding bukan Bumiputera. Kemudian tabung amanah PNB diperluaskan dan turut dibuka kepada bukan bumiputera. Hasil daripada itu juga, PNB telah berjaya menguasai syarikat-syarikat gergasi asing seperti Kumpulan Guthrie, Golden Hope, MMC dan Sime Darby. Namun pengurusan syarikat-syarikat ini diserahkan kepada pengurus yang profesional iaitu yang terlatih dan berpengetahuan.

15. Ramailah pengurus bumiputra yang berpeluang mengurus syarikat-syarikat besar dan ramai lagi yang dapat dilatih dan diberi pengalaman mengurus dalam syarikat-syarikat ini. Semua ini menyumbang kepada pengujudan jumlah bumiputra yang berkebolehan dalam bidang pengurusan dan perniagaan.

16. PNB juga telah memperlihatkan kemampuannya untuk memberi pulangan yang baik dan ini terbukti dengan pulangan yang diberikan kepada pemegang-pemegang unit saham-saham amanah yang diuruskannya adalah melebihi 35 bilion Ringgit Malaysia. Sehingga kini, PNB mengurus lebih 39 bilion unit saham-saham Kumpulan PNB daripada lebih lapan juta akaun milik rakyat Malaysia.

17. Menerusi PNB, Kerajaan berjaya mengeluarkan saham-saham amanah berharga tetap dan berharga berubah-ubah untuk memenuhi keperluan rakyat di negara ini. Sesungguhnya, PNB adalah satu ciptaan unik. Malah ramai kepimpinan negara asing datang untuk mempelajari cara bagaimana PNB mengurus dan mentadbir kewangan dan pelaburan daripada tabungan yang digemblengkan daripada rakyat. Kita sepatutnya bersyukur kepada Tuhan atas nikmat yang dilimpahiNya selama ini. Kita juga patut bersyukur kerana negara kita dapat menghasilkan organisasi yang unik seperti PNB seiring dengan persekitaran ekonomi dan politik yang stabil.

18. Pada hari ini, nilai yang dilaburkan dalam saham amanah di Malaysia menunjukkan peningkatan yang menggalakkan. Sebagai contoh, saiz dana yang diluluskan dalam industri ini berkembang daripada 55.5 bilion unit pada 31 Disember, 1997, kepada 110 bilion unit pada 31 Disember tahun lalu. Ini menjadikan nilai aset bersih industri saham amanah pada 31 Disember tahun lalu bernilai 47.3 bilion Ringgit Malaysia atau bersamaan 10.2 peratus daripada permodalan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

19. Melalui saham amanah, golongan rakyat yang berpendapatan sederhana dan rendah berpeluang untuk turut serta. Sudah pasti pelaburan mereka ini biarpun secara berdikit-dikit tetapi menyumbang kepada perkembangan pasaran saham amanah. Malah secara tidak langsung golongan ini juga adalah pemilik saham-saham syarikat yang diniagakan di BSKL.

20. Masyarakat Bumiputera yang suatu ketika dulu hidup daif dan miskin, kini mampu hidup lebih selesa dengan adanya usaha-usaha Kerajaan untuk melibatkan Bumiputera secara aktif dalam aktiviti ekonomi negara secara tidak langsung melalui pemilikan saham.

21. Pendekatan yang diambil oleh Kerajaan bukannya mudah dan bukannya dicapai dalam sekelip mata. Ia melalui suatu proses perancangan dan usaha jangka panjang bersepadu dan menyeluruh yang mana kini hasilnya cukup membanggakan. Sesungguhnya kejayaan kita ini telah menarik perhatian ramai pemimpin negara asing untuk mencontohi pendekatan unik yang kita pelopori dan laksanakan ini.

22. Pada hemat saya, usaha PNB menganjurkan MSAM ini adalah satu perancangan yang bijak dan berpandangan jauh yang mana bukan sahaja bertujuan untuk mendidik orang ramai tentang pelaburan dan hubungkait antara risiko dan pulangan tetapi juga cara-cara mengurus wang dengan bijak.

23. Saya difahamkan antara program yang dikendalikan bersempena dengan Minggu Saham Amanah Malaysia 2002 ini adalah Seminar Perancangan Kewangan Asas di 21 lokasi seluruh negara termasuklah di bandar-bandar kecil di Sabah dan Sarawak. Saya juga dimaklumkan bahawa sambutan daripada rakyat Malaysia terhadap seminar ini amat menggalakkan. Oleh itu, usaha PNB memberi pemahaman tentang kepentingan merancang kewangan dengan bijak untuk diri dan keluarga sepanjang pengumuman MSAM 2002 ini amatlah tepat pada masanya dan Kerajaan berharap ianya dapat diteruskan dan ditingkatkan bukan sahaja oleh PNB tetapi juga oleh semua pihak yang terlibat dalam industri ini.

25. Saya berharap PNB akan terus menganjurkan Minggu Saham Amanah Malaysia setiap tahun dan tidak hanya tertumpu di bandar-bandar tetapi juga di kawasan luar bandar.

26. Dengan ini, dan dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan rasminya menutup Minggu Saham Amanah Malaysia 2002.